

"Akademik merupakan minat saya sejak dahulu, apabila mengetahui UUM ada menawarkan program PhD Industri, ia adalah satu peluang yang harus direbut," katanya.

Beliau juga berharap pemindahan kejayaannya dalam industri perfileman tempatan ke dalam bidang akademik bakal menjana perspektif baru dalam menjayakan agenda membawa industri perfileman tempatan ke persada global.

Beliau berharap langkah ini menjadi pemangkin kepada penyelidikan dan inovasi dalam memastikan usaha kerajaan untuk menjadikan pembangunan ekonomi berteraskan inovasi dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam kunjungan ringkas beliau ke UUM itu, beliau turut sempat memberikan ceramah yang mengupas topik '*Think Out of the Box*' kepada para pelajar UUM anjuran Jawatankuasa Pembangunan dan Kepimpinan Siswa, Dewan Penginapan Pelajar EON (JKPS DPP EON).

Ahmad Idham turut mengadakan lawatan ke sekitar kampus dan tidak menolak kemungkinan untuk menjadikan UUM sebagai lokasi dan latar penceritaan di dalam filemnya pada masa akan datang.

Beliau yang kini berusia 40 tahun telah mengarahkan lebih daripada 22 buah filem yang kebanyakannya telah mendominasi carta *box office* seperti Adnan Sempit, Jangan Pandang Belakang, Jangan Pandang Belakang Congkak, Rempit, Senario Episod 1, Syurga Cinta, Impak Maksima, Niyang Rapik dan Tentang Bulan.

Kini, beliau merupakan juri bagi rancangan TV terbitan Astro iaitu Maharaja Lawak manakala filem terbaru arahan dan terbitan beliau iaitu Senjakala sedang ditayangkan di pawagam.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my